

Tarikh: 27/07/2001 bersamaan 06 Jamadilawal 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 06

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

Ayahanda mendapat tahu bahawa ada pelajar yang memasuki bilik di asrama tanpa kebenaran penghuni, dan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak menyenangkan penghuni. Perlakuan begini adalah melanggar hak asasi penghuni. Ada juga yang berkumpul di surau kolej untuk menjalankan aktiviti yang tidak baik.

Sekiranya ini telah berlaku, maka ayahanda nasihatkan supaya hentikan aktiviti ini dengan segera.

Perjumpaan Universiti Malaya Dengan PTPTN

Perjumpaan ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya. Perjumpaan yang diadakan pada 28 Jun 2001, jam 9.00 pagi, bertempat di Bilik Mesyuarat TNC (HEP) telah dihadiri oleh wakil

bersambung di muka surat 2

JANGAN KITA HILANG DI DUNIA

Hashim Yaacob

*D*alam gema laung Laksamana Tun Tuah TAKKAN MELAYU HILANG DI DUNIA Kita sangkut pada leher kata hikmatnya bagaikan tangkai keramat, dibuai jaminan lalu kita terus terlena. Dalam tidur, rupanya musuh merapi diri dengan senjata api. Corongnya terhala pada kita yang dilamun mimpi.

Dalam pikok kokok ayam waktu dinihari, kita pun terbangun melihat kota dikepung. Keris leming entah di mana, kitapun tempiar lari, ke Johor Pahang Perak ke mana saja. Melaka pun jatuh ke tangan pendatang. Melayu hilang ketuanan.

Aku lihat katamu itu Laksamana bukan sebagai jaminan, tapi bagi satu bimbang rasa sendirimu yang zahir pada mata sirat pada hati kerana sikap kurangsungguh anak bangsamu.

Ke hari ini walau dalam jangka kita sering ngantuk. Pada leher sebilang kita masih tersangkut tangkai keramat kononnya pelindung kesinambungan bangsa.

Kini kita mestilah segera bangun berkeriskan ilmu berlembingkan tekad bersatu maju.

HEP

daripada HEP, PTPTN, Pejabat Bendahari UM, Seksyen Peperiksaan, Bumiputera Commerce Bank Bhd. (UM) dan Perwakilan Mahasiswa dari Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM). Beberapa perkara telah dikenalpasti pada pertemuan tersebut meliputi:

1. Kaedah bayaran melalui waran membolehkan pelajar menerima bayaran dengan cepat dan untuk memastikan yuran semester diperolehi melalui potongan dari akaun.
 2. Kegagalan pelajar mendapat pinjaman seringkali disebabkan borang permohonan pelajar tidak diisi dengan lengkap.
 3. Pelajar perlu menulis nombor akaun dalam Borang Perjanjian dan mereka dikehendaki membuka akaun di BCBB (UM).
 4. Permohonan pelanjutan pinjaman diluluskan untuk pelajar di bidang Senibina, Kejuruteraan dan Undang-Undang manakala permohonan perlanjutan pinjaman pelajar dari bidang lain perlu dipertimbangkan oleh Jawatankuasa di PTPTN.
 5. Pelajar boleh mengemukakan permohonan pinjaman pada bila-bila masa. Permohonan di proseskan oleh PTPTN sebanyak 4 kali dalam setahun. Permohonan yang dikemukakan
 - sebelum 15 Julai 2001 akan mendapat surat tawaran sebelum 2 Ogos 2001, manakala permohonan selepas pertengahan Julai akan mendapat surat tawaran dalam bulan November 2001.
 6. Bagi pelajar kes khas seperti pelajar yang telah mengikuti kursus dalam Semester Khas, pihak Universiti Malaya perlu membuat pengesahan tentang status pelajar supaya PTPTN dapat membuat bayaran atau untuk membatalkan bayaran.
 7. Perwakilan mahasiswa boleh berjumpa terus dengan Timbalan Naib Canselor (HEP) untuk berbincang masalah berbangkit mengenai pinjaman PTPTN.
 8. Pelajar yang sudah ada tajaan dan memerlukan wang segera, mereka boleh memohon wang pendahuluan melalui Bahagian Akaun Pelajar Universiti Malaya.
 9. PTPTN akan menghantar kakitangannya ke HEP pada waktu tertentu bagi menguruskan perkara berkaitan pinjaman.
 10. Pelajar perlu menyerahkan buku akaun mereka ke kaunter PTPTN di BCBB (UM) untuk menuntut bayaran dan bukannya menggunakan kad ATM.
- Untuk itu, mahasiswa yang menghadapi sebarang masalah berkaitan pinjaman dikehendaki mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

HEP

MEREKA LUPA TANGGUNGJAWAB

*M*ereka orang yang diberi jasa hasil keringat diri bernama insan mereka tidak pernah dikhawatir erti penat mereka terus difaham maksud kasih. Kini mereka lupa pada insan pada orang yang pernah berjasa. Mereka kini di puncak menara menggantik masa depan yang berbalam hasil usaha dan jerit perih insan yang memberi senyuman nasihat dan semangat satu ketika dahulu.

*I*nsan itu kini mereka lupa, mereka terlupa atau sengaja mereka lupa.

*M*ereka mampu berfikir kerana berakal anugerah yang wajib disyukuri sebagai satu kelebihan.

*T*api mereka berpaut pada dahan dangkal bebal hingga terpinggir daripada realiti asal Lantas mereka hilang arah dan haluan.

*M*ereka ada agama ada anutan faham agama faham dunia berbicara soal akhirat berbincang soal adat bercakap soal khurafat soal maksiat.

*S*iapa sangka mereka begitu kabur nampak tohor.

*N*amun insan itu tahu bahawa mereka tidak mahu ambil tahu tanggungjawab itu.

*S*atu hari nanti mereka akan tanggung mereka akan jawab.

• Mohd Fakhruzzain Ibrahim

*P*esan
Amirul Mukminin
Umar bin Abdul Aziz.

"Belajarlah, sebab manusia itu tidak dilahirkan terus menjadi alim, dan tiadalah orang alim itu dapat disamakan dengan orang jahil. Sesungguhnya siketua kaum yang tiada sedikitpun padanya ilmu dipandang kecil apabila dikelilingi orang ramai yang berilmu."

MAHASISWA PERLU TAHU

• ANTARA KEMUDAHAN SEKITAR KAMPUS •

Banyak kemudahan terdapat di sekitar kampus Universiti Malaya, namun mahasiswa jarang sekali mengambil tahu. Sikap tidak ambil tahu ada kalanya menyebabkan mahasiswa itu sendiri menghadapi masalah apabila keperluan tersebut diperlukan sedangkan semua itu telahpun tersedia di kampus sendiri.

Antara kemudahan yang ada:

a. Bank/Pos

1. Bank Bumiputra - Commerce (di bawah bangunan Pejabat Bendahari)
2. Bank Simpanan Nasional (bersebelahan Fakulti Sastera dan Sains Sosial)
3. Pos Malaysia (di Blok A, Kompleks Perdanasiswa)

b. Kemudahan Rekreasi

1. Dua gimnasium
2. Lapan gelanggang squash
3. Dua padang bola sepak
4. Tujuh gelanggang tenis
5. Dua gelanggang bola keranjang
6. Empat gelanggang sepak takraw
7. Empat gelanggang bola tampar
8. Dua padang bola jaring
9. Beberapa gelanggang badminton
10. Satu padang ragbi
11. Padang terbuka.

Maklumat tentang kemudahan di atas boleh diperolehi daripada Pusat Sukan Universiti Malaya.

c. Lain-lain kemudahan.

1. Pekan Buku (kedai buku yang menjual pelbagai jenis buku dan majalah kepada staf, mahasiswa dan orang awam)

2. Pekansiswa (menjual pelbagai jenis barang meliputi barang makanan dan harian, peralatan sukan dan cenderamata, alat-alat tulis dan sebagainya)
3. U. C. Travel (sebuah Agensi Pelancongan di mana mahasiswa boleh membuat tempahan tiket perjalanan)
4. Kafetaria-kafetaria di kebanyakkhan fakulti dan kolej kediaman
5. Gurau-surau di kebanyakkhan fakulti dan kolej kediaman.
6. Perdana Optometris (kedai cermin mata di Kompleks Perdanasiswa)
7. Tasik Universiti untuk kegiatan riadah seperti berkayak.
8. Rimba Ilmu.
9. Trek jogging sekitar kampus.

BAHASA KITA BAHASA DUNIA

Kata Sendi nama "Daripada"

Kata sendi nama "daripada" hadir di hadapan kata nama atau **frasa nama** yang menyatakan **punca** bagi manusia atau institusi, haiwan, benda, dan unsur abstrak, **sumber** atau **asal kejadian** sesuatu benda, sebahagian daripada semua dan perbezaan atau perbandingan.

a. Menyatakan punca bagi manusia atau institusi, haiwan, benda dan unsur abstrak

1. Encik Azim menerima sepucuk surat **daripada** ibunya.
2. Dia menjauhkan diri **daripada** bahaya dadah.



Wise Words

Leadership is in the eyes of the follower.

George Dixon

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

3. Cadangan **daripada** persatuan kami telah diterima.
4. Mereka sudah pun menerima sumbangan **daripada** pihak kerajaan.
5. Encik Leman baru sahaja menerima arahan **daripada** ketuanya.

b. Menyatakan maksud sumber atau asal kejadian sesuatu benda.

1. Benang berasal **daripada** kapas.
2. Kasut itu diperbuat **daripada** kulit buaya.
3. Ahli persatuan itu terdiri **daripada** pelajar universiti.
4. Saya bersedia untuk meminta maaf sekiranya kesilapan itu berpunca **daripada** saya.
5. Air terdiri **daripada** gabungan hidrogen dan oksigen.
6. Na'im tahu **daripada** siapa dia mewarisi paras yang setampan itu.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
oleh: Abdul Razak Halifa


Bersambung pada keluaran ketujuh..

B

Beliau merupakan anak kelahiran Johor dan mendapat pendidikan awal di Batu Pahat, Johor. Meneruskan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada tahun 1982 – 1985. Seterusnya bertugas sebagai pentadbir di Universiti Malaya.

Beliau pernah berkhidmat di Akademi Pengajian Islam, Pusat Asasi Sains, Sumber Manusia dan kini di Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Beliau meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dengan tawaran biasiswa kerajaan Jepun dalam bidang Politik Antarabangsa di Aoyama Gakuin Universiti, Tokyo Jepun. Di Bahagian Hal Ehwal Pelajar, beliau bertanggungjawab dalam kegiatan pelajar, pentadbiran am, kewangan, kursus serta latihan pelajar. Beliau kini sedang mengikuti program Sarjana Kaunseling, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Prinsip hidup **Encik Abdul Hamid Yusof** ialah terus menuntut ilmu untuk diri, keluarga dan orang yang ingin tahu. Sentiasa ingat dan berazam untuk kotakan dan amalkan segala kerja yang kita katakan dan mahu orang lain lakukan, bukan berselindung dengan ungkapan kata-kata yang manis tetapi sebenarnya tidak melakukan sesuatu.



Abdul Hamid Yusof

Pemimpin Persatuan Pelajar

Pengerusi Biro Sukan & Kebudayaan Majlis Perwakilan Mahasiswa UM (MPMUM)

Saudara **Loh Tian Hong** merupakan anak kelahiran Pulau Pinang. Beliau kini mengikuti Kursus Sarjana Muda Kaunseling (Fakulti Pendidikan) Tahap Akhir. Sebagai seorang mahasiswa beliau sentiasa mengimbangi antara aktiviti, persatuan dan akademik. Beliau kini memikul tanggungjawab berat sebagai Pengerusi Biro Sukan dan Kebudayaan (MPMUM) 2000/2001, menjadi Pembantu Mahasiswa sesi 2000/2001 dan 2001/2002, Timbalan Pengerusi Persatuan Kaunseling UM, Pengurus Tajaan dan Jualan Minggu Kebudayaan Kolej Kediaman Kelapan dan lain-lain lagi.



Loh Tian Hong

Prinsip beliau menyertai aktiviti dan projek adalah untuk mencari pengalaman seberapa banyak yang boleh untuk diri dan membantu mahasiswa lain. Umpamanya sebagai Pembantu Mahasiswa, dapat mempertingkatkan kemahiran kepimpinan diri dan juga dapat membantu pelajar baru menyesuaikan diri dalam alam yang baru di kampus. Akhir sekali beliau ingin berkongsi pendapat kepada seluruh warga kampus khususnya kepada mahasiswa baru supaya sentiasa mengimbangi aktiviti persatuan atau kolej dengan pencapaian akademik dan juga mestilah aktiviti yang disertai adalah aktiviti yang sihat dan membawa pembangunan diri dan juga orang lain. Yang penting sekali, cungkilah ilmu sebanyak yang boleh sepanjang kehidupan 3-4 tahun di Universiti Perdana ini dan sentiasa memastikan "UM Pasti Lebih Baik".

21 - 29 Julai 2001

❖ Konvoi Sukarelawan Operasi Khidmat Masyarakat Negeri Selangor (Sabahat II) anjuran Kelab Motor UM di Sekinchan, Sabak Bernam.

31 Julai 2001

❖ Pertemuan TNC (HEP) dengan penghuni Kolej Kediaman Kesembilan, jam 8.45 malam, bertempat di Kolej Kediaman Kesembilan.

11 - 18 Ogos 2001

❖ JKPKK, Kolej Kediaman Ibnu Sina akan menganjurkan **Program Baktiswara** bertempat di Kampung Salak Baru, Trong, Perak dan akan melibatkan seramai 50 orang mahasiswa Fakulti Perubatan dan Pergigian UM.

Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhrulrazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh